

Kertas Konsep Pengurusan Sosioemosi Murid Autisme dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pogram Pendidikan Khas Integrasi di Kelantan

Concept Paper on Socioemotional Management of Autistic Students in Teaching and Learning of Integrated Special Education Programs in Kelantan

Siti Sarah binti Razip, Kama bin Shaffeei*
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Pengarang Koresponden: kama@fpm.upsi.edu.my

Diterima: 28 Ogos 2025; **Disemak semula:** 30 November 2025 **Diterima:** 15 November 2025; **Diterbitkan:** 04 Disember 2025

Untuk memetik artikel ini (APA): Razip, S. S., & Shaffeei, K. (2025). Kertas Konsep Pengurusan Sosioemosi Murid Autisme dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pogram Pendidikan Khas Integrasi di Kelantan. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 18(2), 134-141. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol18.2.12.2025>

ABSTRAK

Kajian ini akan mengkaji pengaruh pengetahuan, Kemahiran dan sikap guru terhadap keyakinan guru mengurus sosioemosi murid autisme dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas PPKI. Kajian oleh Naagarobin, B.I & Hasnah T (2023) menunjukkan bahwa tahap pengetahuan guru mengenai tahap pengurusan sosioemosi, tahap perkembangan sosioemosi dan ciri-ciri sosioemosi murid autisme disekolah Adalah rendah. Terdapat guru kurang mempunyai kecekapan dalam mengenalpasti masalah murid aautisme berkaitan masalah pengajaran dan pergaulan (Zima & Suziyani, 2023). Sikap dan keperibadian guru memainkan peranan penting dalam perkembangan murid. Masih terdapat guru yang tidak dapat mengurus sosioemosi murid. Damayanti Nahampun (2017) menyatakan ada beberapa tindakan yang belum mencerminkan sikap dan keperibadian seseorang guru yang mampu mengelola emosi murid autisme. Guru harus bersedia dengan sebarang kemungkinan daripada kegagalan komunikasi dengan murid autisme (Naagarobin, B.I & Hasnah T, 2023). Kajian ini akan dijalankan adalah menggunakan pendekatan reka bentuk dan pembangunan atau *Design and Development Research* (DDR) yang dipelopori Richey dan Klein (2007). Penggunaan pendekatan ini amat bersesuaian untuk kajian berbentuk pembangunan modul pengurusan sosio-emosi murid autisme. Menurut Mohd Ridhuan et.al, 2018: Ramlan, (2017), pendekatan DDR amat bersesuaian dalam usaha untuk membangun reka bentuk pelbagai bidang kajian termasuk strategi pembelajaran, pembangunan program, pembangunan modul dan pembangunan produk.

Kesimpulan kajian diharapkan dapat menghasilkan penemuan Baharu iaitu model pengurusan sosioemosi murid autisme dan dapat meningkatkan kompetensi guru pendidikan khas.

Kata kunci: Sosioemosi, autisme, pengajaran dan pembelajaran, program pendidikan khas

ABSTRACT

This study will examine the influence of teachers' knowledge, skills and attitudes on teachers' confidence in managing the socio-emotions of students with autism in teaching and learning in PPKI classes. A study by Naagarobin, B.I & Hasnah T (2023) shows that the level of teachers' knowledge regarding the level of socio-emotional management, the level of socio-emotional development and the socio-emotional characteristics of students with autism in school is low. There are teachers who lack competence in identifying the problems of students with autism related to teaching and social problems (Zima & Suziyani, 2023). Teachers' attitudes and personalities play an important role in student development. There are still teachers who cannot manage students' socio-emotions. Damayanti Nahampun (2017) stated that there are several actions that do not yet reflect the attitude and personality of a teacher who is able to manage the emotions of students with autism. Teachers must be prepared for any possibility of communication failure with students with autism (Naagarobin, B.I & Hasnah T, 2023). This study will be conducted using the Design and Development Research (DDR) approach pioneered by Richey and Klein (2007). The use of this approach is very suitable for studies in the form of developing socio-

emotional management modules for students with autism. According to Mohd Ridhuan et.al, 2018: Ramlan, (2017), the DDR approach is very suitable in efforts to develop designs for various fields of study including learning strategies, program development, module development and product development. The conclusion of the study is expected to produce new findings, namely a socio-emotional management model for students with autism and can improve the competence of special education teachers.

Keywords: Socio-emotional, autism, teaching and learning, special education programs

PENGENALAN

Dalam sistem Pendidikan Malaysia, mengikut peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dikategorikan kepada enam kategori iaitu: ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal masalah pembelajaran (merangkumi murid sindrom down, autisme, Attention Defect Hyperactive Disorder (ADHD) dan ketidakupayaan pelbagai. MBPK mempunyai potensi yang besar dalam memacu Pendidikan dan pembangunan negara sekali gus menjadi aset istimewa sebagai penyumbang kepada sosioekonomi negara.

Autisme adalah salah satu gangguan perkembangan yang merupakan bahagian dari kelainan spektrum autisme atau Autism Spectrum Disorders (ASD) serta juga merupakan salah satu dari lima jenis gangguan dibawah pelbagai gangguan perkembangan Pervasif atau Pervasive Development Disorder (PDD). Autisme bukanlah penyakit kejiwaan kerana ia merupakan suatu gangguan yang terjadi pada otak sehingga menyebabkan otak tersebut tidak dapat berfungsi secara normal, Yahya,R.E(2023).

Gangguan sosioemosi merupakan salah satu masalah yang biasa dihadapi oleh murid autisme. Pemasalahan ini jika tidak ditangani dengan bijak akan memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan diri kanak-kanak dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain (Jusiah Idang et. all 2021). Justeru guru pendidikan khas harus mempunyai Kemahiran mengenalpasti dengan jelas isu-isu sosioemosi murid autisme. Menurut Diagnostik and Statistical Manual of Mental Disorder V TR (DSM V TR) individu dengan Gangguan Spektrum Autisme (GSA) menunjukkan adanya perlakuan luar dari kebiasaan dalam aspek sosial, komunikasi, dan perilaku sejak dari perkembangan awal (American Psychiatric Association, 2022).

Keperluan pengetahuan dan kemahiran tentang permasalahan dan kesukaran bagi kategori murid ini sangat berguna bukan sahaja guru pendidikan khas tetapi juga para ibu bapa. Mereka dapat mengenali dengan lebih mendalam tentang ciri-ciri dan kesukaran-kesukaran yang dialami khususnya dalam pembelajaran dan yang penting terdapat kaedah yang boleh membantu mengatasi masalah dan kesukaran tersebut. Pengetahuan ini dapat membantu guru merancang pengajaran dan pembelajaran dan intervensi dengan lebih berkesan. Guru Pendidikan Khas yang kompeten dan profesional seharusnya memiliki pengetahuan yang lengkap dan mampu membezakan kategori murid-muridnya dengan lebih tepat.

Guru pendidikan khas perlu cekap dalam mencipta persekitaran yang tenang dan stabil untuk membantu murid autisme menguruskan emosi mereka dengan lebih baik semasa proses pengajaran di dalam, bilik darjah. Dengan kompetensi dalam menguruskan emosi murid autisme, guru dapat membantu mencipta persekitaran pembelajaran yang positif dan memberi impak positif kepada perkembangan emosi dan sosial murid tersebut.

Oleh yang demikian, pengurusan sosioemosi merupakan tunjang utama dalam memastikan murid kecelaruan spektrum autisme mampu belajar seperti murid lain. Justeru itu, guru perlu memainkan peranan dan mengaplikasikan kemahiran serta pengetahuan yang konkrit dalam usaha untuk menyediakan persekitaran kondusif dan menangani permasalahan yang timbul.

KONSEP SOSIO DAN EMOSI MURID AUTISME

Murid autisme biasanya mengalami kesulitan dalam memahami dan mengekspresikan emosinya (Dawson dkk dalam Junaidi dkk., 2021) serta mengembangkan, memelihara dan memahami sebuah hubungan sosial dengan orang lain dikarenakan keterbatasan mereka dalam berinteraksi sosial (Junaidi dkk, 2020). Perkembangan sosial bagi murid autistik juga terhad dan ia merupakan satu ketidakupayaan yang ketara serta menonjol kepada mereka. Murid autisme pada kebiasaannya hidup dalam dunia sendiri dan tidak tahu bersosial dengan rakan lain. Murid autisme selalunya mengelakkan diri untuk bertentang muka dengan orang lain. Perkembangan sosial murid autistik adalah sangat perlahan dan ini menyebabkan mereka jauh ketinggalan berbanding rakan sebaya (Chandramogan Ramaiah dan Zainudin Mohd Isa, 2019).

Perkembangan sosial pula adalah satu proses apabila kanak-kanak belajar berhubung dengan orang lain mengikut cara yang dapat diterima oleh masyarakat dan budayanya, Kanak-kanak autisme juga mempunyai masalah komunikasi dan menghadapi kesukaran dalam menyampaikan sesuatu maklumat atau kehendak mereka.. Hal ini meyebabkan murid autime mengalami masalah dalam perkembangan interaksi sosial di antara satu sama lain. Justeru, tahap kefahaman bahasa adalah rendah dan tahap penggunaannya juga terhad

Setiap murid autisme mempunyai pelbagai masalah dan berbeza di antara mereka. Oleh itu, kanak-kanak autisme memerlukan pemerhatian dan fokus pengajaran berdasarkan kesesuaian masalah yang dihadapi. Guru perlu bijak merancang tindakan seperti merancang aktiviti dan intervensi yang seawal mungkin serta penhajaran komprehensif bagi membantu murid autisme ini.

ANALISIS PERMASALAHAN SOSIOEMOSI MURID AUTISME

Analisis permasalahan sosioemosi murid autisme merangkumi isu-isu utama yang berkaitan dengan kesukaran mereka dalam memahami, mengawal, dan menyesuaikan diri dengan tuntutan sosial serta emosi harian. Dari segi sosial, murid autisme sering menghadapi masalah untuk memulakan dan mengekalkan hubungan, tidak memahami norma sosial, serta kurang peka terhadap isyarat bukan lisan seperti ekspresi muka atau intonasi suara. Keadaan ini menyebabkan mereka cenderung disisihkan atau menghadapi masalah penyesuaian dalam persekitaran sekolah dan komuniti. Dari aspek emosi, mereka sukar mengenal pasti emosi sendiri dan orang lain, mudah mengalami tekanan, cemas atau marah apabila berdepan perubahan rutin atau rangsangan berlebihan, serta menunjukkan reaksi emosi yang ekstrem seperti tantrum atau pengasingan diri.

Masalah Sosio Murid Autisme

Setiap murid autisme mempunyai pelbagai masalah dan berbeza di antara mereka. Oleh itu, kanak-kanak autisme memerlukan pemerhatian dan fokus pengajaran berdasarkan kesesuaian masalah yang dihadapi. Guru perlu bijak merancang tindakan seperti merancang aktiviti dan intervensi yang seawal mungkin serta penhajaran komprehensif bagi membantu murid autisme ini. Kemahiran sosial membawa maksud tingkah laku yang prihatin untuk melakukan perhubungan interpersonal yang efektif [6]. Kemahiran sosial merupakan asas untuk kehidupan yang lebih berjaya. Kebiasaannya, seseorang kanak-kanak akan mempelajari kemahiran sosial melalui perbualan bersama orang lain dan juga mengambil giliran. Oleh itu, perkembangan kemahiran sosial adalah penting untuk menentukan kualiti hidup setiap individu. Kecekapan dalam kemahiran sosial membolehkan seseorang individu untuk membina perhubungan yang positif serta mengurangkan atau menghapuskan yang sifat negatif [7].

Masalah Emosi Murid Autisme

Emosi mampu mendorong individu terhadap sesuatu, misalnya emosi gembira mendorong untuk tertawa, atau dengan perkataan lain emosi didefinisikan sebagai suatu keadaan gejalak penyesuaian diri yang berasal dari dalam dan melibatkan hampir keseluruhan diri individu (Sujiono, 2005). Goleman (2003) mengatakan bahwa pentingnya keterampilan emosional diberikan dalam proses pembelajaran

murid karena hal ini dapat memperbaiki nilai prestasi akademik dan kerja sekolah murid. Berdasarkan hal ini dapat disimpulkan bahawa anak-anak autisme ini memiliki emosional yang sukar dikawal.

ANALISIS TAHAP PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN DALAM MENGURUS SOSIOEMOSI MURID AUTISME

Tahap pengetahuan dan kemahiran guru pendidikan khas penting dalam mengurus sosioemosi murid autisme. Guru yang berpengetahuan dapat memahami masalah emosi, interaksi sosial dan tingkah laku mencabar murid. Kemahiran seperti pengurusan tingkah laku, komunikasi alternatif dan sokongan emosi perlu dikuasai. Namun, masih ada guru yang kurang mahir dan memerlukan latihan khusus. Oleh itu, gabungan pengetahuan dan kemahiran praktikal sangat penting untuk menyokong perkembangan sosioemosi murid autisme.

Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran

Guru memainkan peranan penting dalam mengurus sosioemosi murid, pengetahuan guru dalam mengurus sosio-emosi murid autisme adalah elemen penting dalam pengajaran dan pembelajaran murid autisme. Walau bagaimanapun ada kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru mengenai pengurusan sosioemosi, tahap perkembangan sosioemosi dan ciri-ciri sosioemosi murid autisme di sekolah adalah masih rendah. Mathiyalagan, N. R., & Toran, H. (2023) .

Kemahiran Guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran

Guru Pendidikan khas perlu memiliki kemahiran pedagogi yang mantap mampu mengurus PdPc dengan lebih efektif. Guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam pedagogi akan memberi kesan kepada PdPc mereka. Guru mungkin tidak dapat memastikan keperluan murid dengan tepat dan meancang pengajaran dan Martin (2021) yang mendapati kekurangan pengetahuan pedagogi untuk diaplikasi dalam bilik darjah memberi kesan kepada perancangan, mengenalpasti keperluan murid di dalam bilik darjah dan juga penerimaan dan sikap di dalam bilik darjah.

Kemahiran membimbing murid yang mengalami masalah sosio emosi amat perlu untuk guru kerana murid autisme mengalami masalah sosioemosi adalah berbeza antara satu sama lain. Proses pembelajaran guru harus mampu membimbing dan memotivasi murid autisme untuk membangkitkan keinginan dan minat baru, meningkatkan motivasi dan ransangan serta memberi penumpuan terhadap psikologi yang positif terhadap mereka, (Paramsyah & Parojai 2024).

Guru memainkan peranan penting dalam mengurus sosioemosi murid, pengetahuan guru dalam mengurus sosio-emosi murid autisme adalah elemen penting dalam pengajaran dan pembelajaran murid autisme. Walau bagaimanapun ada kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru mengenai pengurusan sosioemosi, tahap perkembangan sosioemosi dan ciri-ciri sosioemosi murid autisme di sekolah adalah masih rendah. Mathiyalagan, N. R., & Toran, H. (2023).

ANALISIS KEPERLUAN MODUL MURID AUTISME

Kemudahan prasarana seperti kelas yang sekolah sediakan adalah mencukupi. Itu dari segi PdPC, tetapi dari segi keperluan yang lain masih lagi belum mencukupi. Sebagai contoh alat bantu mengajar dan modul berkaitan pengurusan sosio emosi murid yang lebih lengkap dan sesuai untuk semua. (Husin, Mohd Razimi and Suhaimi, Muhammad Farhan and Md Hamil, Suhailah and Azmi, Nurul Natasha (2020) . Hal ini menyebabkan guru sukar menangani masalah terutamanya masalah yang melibatkan sosioemosi murid dalam bilik darjah.

KEPENTINGAN KAJIAN ATAU TUJUAN KERTAS KONSEP

Kajian ini diharapkan akan memberi sumbangan yang besar kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya Pendidikan Khas kerana kajian ini akan membangunkan model pengurusan sosio-emosi yang dapat menjadi panduan kepada pihak Kementerian untuk meningkatkan kualiti pendidikan khususnya pendidikan golongan anak-anak kelainan Upaya (OKU).

Kajian ini akan menghasilkan modul yang boleh memberi sumbangan kepada guru-guru pendidikan khas. Ini kerana pembinaan modul ini memberi pendedahan kepada guru terutamanya guru Pendidikan khas tentang pentingnya guru memahami dengan lebih mendalam permasalahan yang dihadapi oleh murid. Ini amat penting dalam usaha menangani permasalahan mereka dan merencanakan aktiviti yang berkesan. Ini membantu guru dalam membuat pemilihan kaedah pengajaran dan pemulihan yang sesuai dan berkesan. Dengan ini pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru dapat dipertingkatkan. Modul ini dibangunkan dengan lebih sistematik dan dapat membantu guru-guru dalam memahami tahap-tahap kesukaran sosioemosi murid yang dihadapi dan memberi panduan kepada guru dalam merancang strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan murid autisme.

Kajian ini bukan sahaja menghasilkan modul tetapi memberi sumbangan dalam membentuk model kerangka pengurusan sosio-emosi murid autisme yang dapat membantu guru-guru pendidikan khas dan juga ibu bapa berkolaboratif dan memainkan peranan mereka dalam dunia pendidikan pendidikan khas juga kepentingan persediaan mereka ke arah menghadapi cabaran-cabaran dan membentuk keyakinan diri dalam melaksanakan tugas. Ini supaya mereka sentiasa peka dengan keperluan murid dan melaksanakan intervensi kepada murid tersebut.

Selain itu, dapatan kajian ini dapat memberi maklumat asas kepada penyelidik-penyelidik untuk meneruskan penyelidikan di masa akan datang. Ini dapat memperkembangkan luas lagi pengetahuan tentang ciri-ciri, masalah yang dihadapi dan penemuan-penemuan baru dalam penyelesaian masalah tersebut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN LEPAS

Dalam bahagian ini, perbincangan akan menjurus kepada ulasan dapatan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pengurusan sosio emosi murid autisme dalam pengajaran dan pembelajaran.

Emosi Murid Autisme

Murid autisme biasanya mengalami kesulitan dalam mengawal tingkah lakunya. Kebiasaan murid autisme suka melakukan hal-hal di luar jangka seperti menggigit, memukul, atau menendang. Terkadang murid autisme akan tertawa dan menangis sendiri tanpa alasan yang jelas, Christyyastari, W (2023). Hal ini menyebabkan emosi mereka sering terganggu dan ini memberikan kesan kepada kesejahteraan emosi mereka. Kesejahteraan emosi merujuk kepada keupayaan untuk membezakan antara emosi yang berbeza, berkait rapat dengan kesejahteraan sosial juga emosi. Menurut penyelidikan oleh Kalokerinos et al. (2019) ini telah memberikan kesan kepada kemahiran sosial dan interaksi dengan rakan sebaya dan persekitaran. Murid autisme tidak disukai kerana sering mengganggu dan berkelakuan agresif.

Sosial Murid Autisme

Menurut Fitriani, T. (2023) masalah yang dihadapi oleh murid autisme ialah interaksi sosial, komunikasi dan perilaku. Masalah ini saling berkait antara satu sama lain sehingga mereka tidak dapat mengekspresikan perasaan melalui keinginan sehingga mampu menjadikan hubungan dengan orang lain terganggu. Ini kerana, mereka tidak dapat berfikir secara waras dengan manusia normal yang lain dan ia mampu memberi kesan kepada pembelajaran mereka seperti menulis, membaca serta mengenal warna.

Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran

Guru seharusnya mempunyai kecekapan dalam mengenalpasti masalah murid autisme berkaitan dengan masalah komunikasi, interaksi dan pergaulan. Zima & Suziyani (2023); Erda Kursyiah (2016). Tetapi terdapat kesukaran untuk guru mengenalpasti ciri-ciri murid berkeperluan khas terutamanya kanak-kanak autisme kerana sistem pendidikan kelas khas tidak mengasingkan murid-murid tetapi mencampuradukan semua kategori masalah pembelajaran di dalam satu bilik darjah (Fazleyazid, A., Chung, S. M. J. K. S. S., & Besar, J. Pewarnaam 2024).

Guru Pendidikan khas perlu memiliki kemahiran pedagogi yang mantap mampu mengurus PdPc dengan lebih efektif. Guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam pedagogi akan memberi kesan kepada PdPc mereka. Guru mungkin tidak dapat memastikan keperluan murid dengan tepat dan meancang pengajaran dan Martin (2021) yang mendapati kekurangan pengetahuan pedagogi untuk diaplikasi dalam bilik darjah memberi kesan kepada perancangan, mengenalpasti keperluan murid di dalam bilik darjah dan juga penerimaan dan sikap di dalam bilik darjah.

IMPLIKASI KERTAS KONSEP

Implikasi yang akan dapat diperolehi daripada modul pengurusan sosioemosi murid autisme dalam pengajaran dan pembelajaran ini dapat lihat dari pelbagai aspek terutamanya dari sudut keperluan murid autisme, modul ini memberi peluang kepada mereka untuk mendapat bimbingan yang lebih terarah, sistematik dan sesuai dengan tahap perkembangan sosioemosi, sekali gus membantu meningkatkan penyesuaian diri serta interaksi sosial. Dari aspek pengetahuan guru, modul ini berfungsi sebagai panduan yang memperkukuh kefahaman mereka tentang ciri-ciri emosi dan tingkah laku murid autisme, di samping membekalkan strategi yang tepat untuk mengurus cabaran di dalam kelas. Sementara itu, dari aspek kemahiran guru, modul ini dapat meningkatkan keupayaan mereka mengenal pasti corak sosioemosi murid dengan lebih awal, membolehkan intervensi dilaksanakan secara efektif bagi menyokong kesejahteraan emosi dan pencapaian akademik murid autisme.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya dapat dinyatakan bahawa, penggunaan modul pengurusan sosioemosi murid autisme dalam pengajaran dan pembelajaran amat penting kerana ia berfungsi sebagai instrumen utama untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Modul ini bukan sahaja membantu murid autisme mengurus emosi dan menyesuaikan diri dalam situasi sosial, malah turut memberikan panduan yang jelas kepada guru dalam merancang strategi pengajaran yang lebih sistematik serta berfokus kepada keperluan sebenar murid. Melalui penerapan modul ini, guru dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam mengenal pasti isu sosioemosi dengan lebih tepat, seterusnya melaksanakan pendekatan pengajaran yang lebih inklusif dan responsif. Oleh itu, modul ini wajar dijadikan rujukan utama dalam amalan pendidikan khas kerana ia mampu menyokong perkembangan menyeluruh murid autisme serta memperkukuh keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

RUJUKAN

- Allam, F. C., & Martin, M. M. (2021). Issues and challenges in special education: A qualitative analysis from teacher's perspective. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 10(1).
- American Psychiatric Association. (2022). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders* (5th ed.). <https://doi.org/10.1176/appi.books.9780890425787>
- Azahari, M. H. M., Ibrahim, Z., Ibrahim, Y., & Sapri, M. F. M. (2023). Aplikasi pembelajaran kemahiran motor halus mudah alih bagi pelajar autisme. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, 4(2), 149–154.

- Bacete, F. J. G., Planes, V. E. C., Perrin, G. M., & Ochoa, G. M. (2017). Understanding rejection between first-and-second-grade elementary students through reasons expressed by rejecters. *Frontiers in Psychology*, 8, 462. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2017.00462>
- Cherry, K. (2021, April 2). The 8 stages of human development. Verywell Mind. <https://www.verywellmind.com/psychosocial-stages-279574>
- Christyastari, W. (2023). Interaksi sosial siswa autisme di sekolah inklusi. *Jurnal Pendidikan Inklusi Citra Bakti*, 1(2), 127–138.
- Der Loke, J., Zakaria, A. R., & Lau, P. L. (2013). Pendekatan terapi lukisan dalam kalangan kanak-kanak autisme. *Journal of Special Needs Education*, 3, 92–108.
- Erikson, E. H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. National Book Award.
- Fazleyazid, A., Chung, S. M. J. K. S. S., & Besar, J. (2024). Pewarnaan terhadap murid berkeperluan khas (autisme). *KUPAS SENI*, 12(1), 26–36.
- Festiana, I., Firman, H., Setiawan, A., & Muslim, M. (2020). Design and development of representational fluency test in physics. *Journal of Physics: Conference Series*, 1521(2), 022034.
- Fitriani, T. (2023). Pengaruh media Lego terhadap kemampuan mengenal warna pada anak autisme kelas dasar II di UPT SLB Negeri 1 Bone. Retrieved from <http://eprints.unm.ac.id/34306/1/JURNAL%20Fitriani%20T.pdf>
- Garrote, A., Felder, F., Krähenmann, H., Schnepel, S., Dessemontet, R. S., & Opitz, E. M. (2020). Social acceptance in inclusive classrooms: The role of teacher attitudes toward inclusion and classroom management. *Frontiers in Education*, 5. <https://doi.org/10.3389/feduc.2020.582873>
- Hiew, F. L., Ramlan, R., Viswanathan, S., & Puvanarajah, S. (2017). Guillain-Barré Syndrome, variants & forms fruste: Reclassification with new criteria. *Clinical Neurology*.
- Higgins, J. P. T., Jackson, D., Barrett, J. K., Lu, G., Ades, A. E., & White, I. R. (2012). Consistency and inconsistency in network meta-analysis: Concepts and models for multi-arm studies. *Research Synthesis Methods*, 3(2), 98–110.
- Idang, J., Halim, H., Halik, M., Sharif, S. (2022). Isu Sosioemosi dalam kalangan Pelajar Sekolah Rendah di Negeri Sabah (Socioemotional Issues among Primary School Students in Sabah). *JURNAL PSOKOLOGI MALAYSIA*, 35(3).
- Irham, W. (2015). *Psikologi pendidikan: Teori dan aplikasi dalam proses pembelajaran*. Jogjakarta: Arr-Ruzz Media.
- Kalokerinos, E. K., Erbaş, Y., Ceulemans, E., & Kuppens, P. (2019). Differentiate to regulate: Low negative emotion differentiation is associated with ineffective use but not selection of emotion-regulation strategies. *Psychological Science*. <https://doi.org/10.1177/0956797619838763>
- Kartini, S., Lestari, L. A., & Munir, A. (2019). Developing speaking course book for English department students. *CaLLs (Journal of Culture, Arts, Literature, and Linguistics)*, 5(2), 95–108.
- Khairunisa, N., Djumhana, N., & Giwangsa, S. F. (2021). Pengembangan bahan ajar berorientasi pada model pembelajaran social inquiry untuk meningkatkan berpikir kritis siswa kelas IV sekolah dasar. *Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 7(2), 72–79.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607.
- Mathiyalagan, N. R., & Toran, H. (2023). Tahap pengetahuan guru pendidikan khas dalam pengurusan sosioemosi murid autisme. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(4), e002151.
- Mohammad, N. A., & Mohamed, S. (2020). Analisis keperluan pembangunan modul pembelajaran dalam membentuk kecerdasan sosioemosi kanak-kanak. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 70–82. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap/article/view/10806>
- Nahampuan, D. (2017). Kompetensi kepribadian guru dalam pelaksanaan pembelajaran anak autisme di SLB C Karya Bhakti Purworejo. *Widia Ortodidaktika*, 6(5), 538–546.
- Parmeggiani, A. (2020). Early features of autism spectrum disorder: A cross-sectional study. *Italian Journal of Pediatrics*, 45, 144.
- Rahmawati, R. D., Sumarni, Y., & Anggraita, R. L. (2024). Analisis peran guru dalam memfasilitasi pembelajaran anak autisme di kelas IV sekolah dasar. *Jurnal Pengembangan dan Penelitian Pendidikan*, 6(3).
- Rahyubi, H. (2012). *Teori-teori belajar dan aplikasi pembelajaran motorik: Deskripsi dan tinjauan kritis*. Bandung: Nusa Media.
- Ramaiah, C., & Isab, Z. M. (2019). THE DEVELOPMENT, EVALUATION AND EFFECT OF A DAILY PHYSICAL ACTIVITIES (DPA) MODULE ON THE SOCIAL, COGNITIVE AND COMMUNICATION ASPECTS OF STUDENT WITH AUTISM IN THE SPECIAL EDUCATION INTEGRATED PROGRAMME. *Affirmation of The Identify of Special Education Science to Support The Implementation Of inclusive Education*, 135.
- Richey, R. C., & Klein, J. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Kertas Konsep Pengurusan Sosioemosi Murid Autisme dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pogram Pendidikan Khas Integrasi di Kelantan

- Roane, H. (2021). Do people with autism have ‘normal’ empathy & emotions? Retrieved from <https://www.elemy.com/studio/autism/empathy-and-emotions/>
- Singh, H. R., & Chowdhary, R. (2009). Dictionary of biosciences. New Delhi: Jnanada Prakashan (P&D).
- Soesilo, T. D. (2015). Teori dan pendekatan belajar: Aplikasinya dalam pembelajaran. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Tilton, A. J. (2013). Panduan lengkap ibu bapa kanak-kanak dengan autisme. ITBM.
- Yahya, R. E., Anatarsya, A. A., Gunarto, K., & Maruti, E. S. (2023). Memahami anak autis dan penerapan model pembelajaran. In Seminar Nasional Sosial, Sains, Pendidikan, Humaniora (Senassdra) (Vol. 2, No. 2, pp. 48–58).